

Malaysia mampu hadapi cabaran, maju kerana kepimpinan kuat, kata Najib
The Malaysian Insider
August 21, 2015

Malaysia mampu melalui cabaran-cabaran awal, apatah lagi berkembang dan menikmati kemakmuran, bukan kerana peluang atau nasib, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Beliau berkata Malaysia berjaya mengharungi semua cabaran kerana kepimpinannya dan terdapat sifat-sifat kepimpinan yang seseorang dengan mudah boleh mengenal pasti.

"Para pemimpin kita yang terdahulu memberi perhatian yang mendalam dan mengutamakan kepentingan negara, dan khidmat mereka melangkaui tanggungjawab kepada negara. Keputusan mereka bersifat naluri dan atas semangat patriotik yang tulen dan semangat yang kukuh.

"Mereka sanggup membuat pengorbanan yang besar," katanya ketika menyampaikan ucapan bertajuk "Kepimpinan dalam masa mencabar" pada ceramah ke-25 Tunku Abdul Rahman, anjuran Institut Pengurusan Malaysia di Kuala Lumpur malam ini. – Bernama, 20 Ogos, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/malaysia-mampu-hadapi-cabaran-maju-kerana-kepimpinan-kuat-kata-najib>